



## SPPS Kekal Kejuaraan Kejohanan Olahraga UMS

Oleh : Ashikin Yakub

SELASA, 2 APRIL - Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) menjulang trofi juara pada Kejohanan Olahraga UMS yang berlangsung di Stadium UMS, baru-baru ini. Mereka mengumpul 24 emas, 9 perak dan 5 gangsa sekali gus menjadi juara keseluruhan bagi tiga tahun berturut-turut.

Pencapaian ini menunjukkan peningkatan dalam pungutan pingat berbanding tahun lepas iaitu 21 emas, 14 perak dan 7 gangsa.

Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS) dan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) masing-masing menduduki tempat kedua dan ketiga. SPKS meraih 4 pingat emas, 4 perak dan 3 gangsa manakala SPE mengumpul satu emas dan dua gangsa.

Semua kategori anugerah yang ditawarkan telah diraih oleh atlet dari SPPS. Bagi kategori

Atlet Harapan Perempuan dan Lelaki, pemenangnya adalah Merry Gabalin dan Makenzie Jetol.

Merry memenangi acara lompat kijang, 4x400m dan 100m, di mana dia mencipta rekod baru. Makenzie pula meraih emas dalam acara lontar peluru dan lembing.

Atlet Wanita Terbaik telah dimenangi oleh Emmy Ahkim,

mengumpul tiga emas dalam acara 400m, 800m dan 4x100m. Beliau juga memperbaharui rekod sendiri dalam acara 400m yang dilakukan pada tahun 2012.

Anugerah bagi kategori Atlet Lelaki Terbaik telah dimenangi oleh Eldy Sham Erlon yang memenangi acara tumpuan, 100m yang belum dipecahkan rekodnya sejak 10 tahun yang lalu. Beliau juga memenangi

dua pingat emas dalam 110m lari berpagar dan acara 4x100m lelaki.

Jurulatih SPPS yang juga Program Sains Sukan, Dr Mohamad Nizam Nazarudin melahirkan rasa puas hati beliau di atas prestasi atlet dan berharap mereka akan dipilih untuk mewakili negeri ini.